

NO. SOALAN: 306

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS (2018)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATO' DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]

SOALAN :

Dato' Dr. Mujahid Bin Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha dilakukan untuk tingkatkan Mahkamah Syariah dan tahap manakah usaha itu hari ini.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sesungguhnya Kerajaan peka dan sememangnya mengambil langkah-langkah yang serius dalam melaksanakan transformasi undang-undang negara ini termasuk undang-undang Syariah. Usaha ini selaras dengan Fasal (1) Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan. Kerajaan dengan kerjasama kerajaan negeri-negeri, sedang berusaha bagi memastikan undang-undang Syariah dapat

dilaksanakan melalui cadangan untuk memperluaskan bidang kuasa Mahkamah Syariah, menaik taraf sistem kehakiman Syariah dan menyemak semula kedudukan Hakim-Hakim Mahkamah Syariah.

Pada masa ini, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Memperkasa Mahkamah Syariah (JKMMS) yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor bertujuan untuk meningkatkan dan memartabatkan sistem perundangan Syariah secara holistik selaras dengan kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan.

Bagi melaksanakan objektif JKMMMS tersebut, dua jawatankuasa pelaksana ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Pemandu Memperkasa Mahkamah Syariah dan Jawatankuasa Induk Memperkasa Mahkamah Syariah. Keanggotaan kedua-dua Jawatankuasa ini terdiri daripada tokoh-tokoh dalam negara yang pakar dalam pelbagai disiplin termasuklah mereka yang pakar dalam undang-undang Syariah dan undang-undang sivil.

Antara fungsi Jawatankuasa ini ialah membuat syor kepada Kerajaan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan Mahkamah Syariah termasuklah dari segi pengharmonian undang-undang antara undang-undang Sivil dan undang-undang Syariah, cadangan pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355), pengurusan dan penstrukturan Mahkamah Syariah, latihan hakim dan pegawai Syariah, pendidikan undang-undang Syariah, hal ehwal Peguam Syarie serta penguatkuasaan dan pendakwaan.

Sebanyak 7 Kluster telah ditubuhkan bagi membantu Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Induk seperti berikut :

- (i) Kluster Pengharmonian Antara Undang-Undang Sivil dan Undang-Undang Syariah;
- (ii) Kluster Cadangan Pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355);
- (iii) Kluster Pengurusan dan Penstrukturan Mahkamah Syariah;
- (iv) Kluster Latihan Hakim dan Pegawai Syariah;
- (v) Kluster Pendidikan Undang-Undang Syariah;
- (vi) Kluster Hal Ehwal berkaitan Peguam Syarie; dan
- (vii) Kluster Penguatkuasaan dan Pendakwaan.

Sekian, terima kasih.